



EDISI ابجد MAIS

www.mais.gov.my



UMAT TOKSIK

Bagaimana Islam Menangani
Kehidupan Toksik

Toksik dalam
ajaran agama

Ms 6

Bagaimana
hidup
tanpa toksik

Ms 8

Hubungan Toksik:
Lahirnya anak
luar nikah

Ms 9



Kata-Kata Hikmah

"Sentiasalah memelihara adab dalam setiap tindakan dan pertuturan kerana adab adalah cerminan akhlak seorang Muslim."

Dr. Che Mad

Hati-Hati: Toksik Haji

Ms 17





URUS PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

MELALUI **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

HARTA PUSAKA

Subseksyen 2(1), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999, "harta pusaka" ertinya semua harta peninggalan si mati.

Hadis daripada Abu Hurairah r.a. yang bermaksud:

"Dan sesiapa yang meninggalkan harta maka ia adalah untuk warisnya"

(Riwayat al-Bukhari)

BIDANG KUASA MAIS



Subseksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

"Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah."

LANGKAH-LANGKAH MENGGUNAKAN

DAFTAR SEKARANG



1. Klik **Daftar Akaun** untuk membuka akaun eFaraid.
2. Klik pengesahan yang dihantar melalui emel didaftarkan.
3. Log masuk menggunakan **ID/emel pengguna & Kata Laluan** yang telah ditetapkan.
4. Pilih **Pemohonan** untuk memohon.
5. Lengkapkan maklumat yang diminta.
6. Membuat bayaran secara atas talian.
7. Pengesahan permohonan oleh pihak MAIS yang akan diterima melalui emel yang didaftarkan.



HUBUNGI KAMI:

SEKTOR BAITULMAL
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
40000 SHAH ALAM, SELANGOR

+603-5514 3772 | +6010-251 9556

pro@mais.gov.my

فرائض
eFARAID



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgovmy

www.mais.gov.my



Sidang Editorial

EDISI

KETUA PENGARANG

Hajah Noormala binti Mohd Sa'ad

PENGARANG

Encik Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR

Puan Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Encik Norzaili bin Taib

KOLUMNIS

Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid

Dr. Haji Halim bin Mokhtar

Encik Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Ustaz Hasal bin Senin

Encik Shahrul Effendy bin Md Saat

Puan Maryam binti Md Zin

Ustaz Mohamad Shukry bin Sulaiman

Ustaz Haji Mohammad Salleh bin Haji Abdul Saha

Ustaz Haji Muhamad Rafee bin Rahman

Encik Muhammad Hafiz bin Bahari

Dengan Kerjasama:




UMAT TOKSIK



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundangan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Sumpah seranah. Makian dan carut-marut. Pengabaian aurat. Pergaulan bebas. Hilang kesopanan. Inilah antara perbuatan yang kini seakan-akan cuba dinormalisasikan. Dahulu, adab nombor satu. Kini, adab makin nipis. Senapis pakaian segelintir artis yang tidak silu-silu mengucapkan alhamdulillah ketika memenangi anugerah popular di pentas hiburan. Kemuncaknya, di Mekah pun masih ada yang 'tidak segan-segan' meraih 'like and share' dengan pelbagai aksi di media sosial.

Nyata sekali, normalisasi 'songsang' ini realitinya kian parah. Tanpa sedar, ia adalah toksik. Merosakkan pemikiran secara akut (jangka masa panjang). Khususnya dalam kalangan anak-anak kecil. Hingga akhirnya manusia menerima apa adanya. Tidak merasa bersalah atas apa yang asalnya salah. Alasannya, sudah menjadi lumrah. Tak kisahlah berlakon berpegangan tangan; asalkan tudung di kepala di tanggal jangan. Inilah contoh 'normalisasi toksik' yang makin diterima ramai.

Sebelum itu, toksik umumnya boleh difahami sebagai keadaan yang beracun dan mampu meracuni pihak lain. Toksik dalam umat Islam hari ini, umumnya sudah menjalar ke pelbagai penjuru kehidupan. Skala kerosakannya? Ya, ia agak sukar ditentukan dengan neraca saintifik. Namun melihat kepada apa yang terparap di media sosial, nyatanya ia amat merisaukan.

Bayangkan, jika seorang wanita sanggup terkinja-kinja tanpa malu, atau seorang suami mendedahkan aib isteri tanpa waswas, atau seorang anak sanggup mengherdik orang tuanya tanpa rasa bersalah, lalu apakah lagi yang mampu kita bayangkan? Begitu

juga, apabila ibu bapa sanggup merosakkan anak-anak dengan mengabaikan pendidikan agama, dan menggalakkan mereka tenggelam dalam 'takungan noda', tidakkah itu toksik? Selain itu, bayangkan betapa sadisnya bila budaya kebencian bebas bermain di bibir manusia bergelar pemimpin, bukan toksikkah namanya?

Itu belum dicampur dengan parahnya permainan maya di gajet, atau berapa banyak masa orang yang terbuang dengan asyiknya menatal (scrolling) layar *hand phone*. Berapa ramai yang mengabaikan tanggung jawab, melalaikan pekerjaan dan menjejaskan kualiti perkhidmatan? Tidak toksikkah itu?

Justeru, 'umat toksik' adalah satu pertanyaan sekali gus pernyataan, agar kita tidak menjadi sebahagian daripadanya. Ia bukanlah bermakna semuanya rosak. Namun kita berusaha mencegah. Inilah harapan kami di Edisi MAIS, menjunjung cita-cita mulia eksistensi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang tidak lain dan tidak bukan, demi menyelamatkan kehidupan umat Islam. Menjadi lebih bermaruah. Menjadi lebih beradab. Selamat dunia dan akhirat.

*"Dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang mukmin."
(az-Zariyat: 55)*

Selamat meladeni Edisi MAIS pada kali ini dengan pelbagai tajuk dan huraian mengenai toksik dalam kehidupan. Semoga kita dapat menapis segala toksik yang ada. 'Umat toksik', bukanlah bermakna semuanya rosak. Namun kita mahu menyelamatkan diri dan orang lain daripada kerosakan. Wallahua'lam. **Edisi**

MERAWAT TOKSIK UMAT?



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundangan,
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Toksik dalam kehidupan sosial boleh dibahagikan kepada sekurang-kurangnya:

01	Toksik dalam bersosial: kerosakan akhlak dan pergaulan bebas
02	Toksik dalam berekonomi: penipuan dalam perniagaan dan pemerasan kekayaan
03	Toksik dalam beragama: ajaran sesat dan eksploitasi ketaksuban
04	Toksik dalam berpolitik: kebencian, perbalahan dan perpecahan

Islam datang asalnya adalah untuk mencegah kerosakan. Namun dek kerana keengganan umat Islam untuk taat kepada syariat, maka mereka terjebak toksik dalam pelbagai aspek kehidupan seperti di atas. Bagaimanakah kita dapat merawat toksik ini? Mari kita sama-sama lakukannya.

Matlamat: Mewujudkan umat Islam yang bebas toksik

Realiti: Umat Islam berada dalam kepelbagaian toksik

Peluang:

Membuka ruang dan peluang untuk umat berpartisipasi

Langkah menyuburkan budaya non-toksik

1

Peranan lebih aktif pemegang taruh

2

3

Langkah kawalan kepada elemen toksik

4

Tindakan:

1 Pihak pemegang taruh seperti MAIS boleh menyediakan objektif dan garis panduan yang jelas. Objektif itu pula boleh diukur dan ada tempohnya. Misalnya, menjelang tahun 2030 Selangor dapat meningkatkan pengamalan Islam sehingga 10 peratus dalam pelbagai sektor. Apabila ia dibawa ke agensi di bawah MAIS, misalnya Lembaga Zakat Selangor (LZS), maka ia diterjemahkan kepada peningkatan jumlah muzakki sehingga 10 peratus; kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pula misalnya, dapat mengurangkan kadar perceraian sehingga 10 peratus; dan penyertaan 10 peratus dalam wakaf di Perbadanan Wakaf Selangor.

2 Pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGOi), semua lapisan umat termasuklah ibu bapa perlu terlibat aktif. Perbanyakkan program penghayatan agama dalam kehidupan di lapangan, seperti gotong-royong, pengajian komuniti atau halaqah kecil dan sebagainya.

3 Pihak pemerintah menyediakan garis panduan khusus kawalan toksik daripada berulang dan merosakkan ekosistem yang semakin membaik. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor boleh merangka fatwa khusus mengenai permainan gajet yang melampau dan wartakan. JAIS pula perlu menguatkuasakan segala fatwa yang sudah diwartakan, misalnya pengawalan budaya merokok yang selama ini kurang diberikan perhatian.

4 Semua pihak perlu bergandingan hati dan bahu menyuburkan budaya baharu yang bebas toksik, seperti mana yang diamalkan dan diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW. Kala itulah akan lahirnya sebuah umat yang terbaik. Wallahua'lam. **Edisi**

GAJET TOKSIK



Oleh: **Dr. Haji Halim bin Mokhtar** (halim@kuis.edu.my)
Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)

Marcapada kecanduan gajet di kalangan remaja menjadi isu yang mendapat perhatian pada era digital ini. Gajet seperti telefon pintar, tablet dan komputer menjadi sebahagian penting dalam aspek kehidupan, pendidikan, komunikasi, dan informasi.

Gajet membawa banyak manfaat, tetapi dalam masa yang sama boleh mendatangkan mudarat jika tidak dikawal. Beberapa kajian menunjukkan bahawa penggunaan gajet secara berlebihan boleh menjadi toksik kepada kehidupan khususnya remaja sehingga menyebabkan remaja kelihatan seperti berada dalam fasa “zombie” di mana lebih “mesra” dengan gajet tetapi kaku dan “select” dengan manusia.

Beberapa kesan toksik yang akan di alami dalam kehidupan remaja yang terlalu asyik mahsyuk dengan gajet di antaranya:

1. TOKSIK MASA

Remaja gagal menguruskan masa. Menghabiskan terlalu banyak masa dengan gajet dan kurang berminat terhadap aktiviti fizikal atau interaksi sosial. Kadangkala kitaran waktu siang dan malam telah bertukar tabie sehingga menyebabkan urusan harian terganggu. Pembahagian masa untuk diri, keluarga dan komuniti tergugat kerana gajet sehingga kewajipan kepada Allah juga tergugat.

2. TOKSIK GAME

Remaja yang ketagihan permainan dalam talian sehingga tidak minat menjalani aktiviti harian. Ini juga memberikan kesan kepada ketenangan yang boleh menyebabkan gangguan emosi. Tiada lagi ruang bersemuka hanya dengan sebuah gajet segalanya berubah.

3. TOKSIK KOMUNIKASI

Remaja kurang berkomunikasi secara bersemuka menyebabkan perkembangan kemahiran sosial menjadi terhad. Sukar untuk berkomunikasi dengan orang luar, kurang minat untuk bermain dengan rakan sebaya, dan cenderung mengasingkan diri. Tanpa komunikasi remaja akan selalu bersendirian dalam dunia gajet yang mencabar.

4. TOKSIK MENTAL DAN FIZIKAL

Remaja berisiko mengalami kemurungan dan gangguan kesihatan. Remaja terlalu banyak berinteraksi dengan gajet dan resah gelisah jika gajet tiada di tangan sehingga mengalami gangguan emosi dan fizikal. Memberikan kesan psikologi kepada remaja seperti mudah marah, tidak minat belajar dan tidak minat berinteraksi begitu juga risiko diabetes, tekanan darah tinggi, penambahan berat badan dan kemurungan.

5. TOKSIK MEDIA SOSIAL (MEDSOS)

Remaja terlalu ghairah untuk berkongsi maklumat sehingga ke peringkat yang sangat privasi dan sulit. Perkongsian boleh menyebabkan beberapa anasir tidak sihat akan berlaku dan

akan diperlakukan oleh penjenayah siber. Remaja juga terdedah dengan berita palsu dan penyebaran fitnah serta komen-komen yang tidak beradab.

Oleh yang demikian beberapa langkah dan penyelesaian bagi mencegah gajet daripada menjadi unsur toksik dalam kalangan remaja antaranya ialah:

1. Pengurusan Masa: ... ➔

Hadkan masa penggunaan gajet bagi memastikan keseimbangan aktiviti harian. Sediakan aktiviti luaran yang melibatkan komuniti dan sediakan jadual harian yang bebas daripada gajet.

2. Pengukuhan Pendidikan: ... ➔

Memilih bahan dan aplikasi yang sesuai. Didik remaja tentang kesan buruk penggunaan teknologi secara berlebihan supaya mereka lebih bertanggungjawab dalam penggunaannya. Sediakan aplikasi yang dapat membantu pembangunan ilmu dan diri remaja.

3. Pemerkasaan Komunikasi: ... ➔

Tingkatkan komunikasi berkesan secara lisan dan bersemuka. Tetapkan tahap penggunaan gajet secara sederhana dan terkawal. Galakkan aktiviti luar berbentuk fizikal bagi meningkatkan kemahiran sosial.

4. Penilaian kesihatan: ... ➔

Mengamalkan gaya hidup sihat. mental dan fizikal Mengamalkan peraturan 20-20-20: iaitu 20 minit penggunaan skrin, berehat, dan lihat sesuatu pada jarak 20 kaki selama 20 saat untuk melindungi mata daripada ketegangan digital dan memastikan tiada tekanan yang membawa kepada kemurungan.

5. Pertahankan Batasan: ... ➔

Meletakkan setiap aktiviti dalam batasan syarak dan akhlak. Jangan terlalu terbuka. Tidak perlu mendedahkan dan berkongsi semua perkara dalam medsos, cukup sekadar ruang informasi dan perkongsian ilmu.

Kesimpulannya isu gajet toksik perlu dibendung. Gajet akan menjadi lebih baik jika berjaya digunakan dengan betul dan seimbang. Terkini, Universiti Islam Selangor (UIS) terus memacu transformasi digital dan pendidikan berteraskan nilai Islam dengan melaksanakan pelbagai inisiatif pendigitalan, selaras keperluan pasaran kerja masa kini.

Naib Canselor UIS, Datuk Profesor Dr Mohd Farid Ravi Abdullah berkata, antara usaha utama termasuk pelaksanaan Pembelajaran Digital Dalam Talian, program Kelayakan Mikro serta penaiktarafan sistem pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi.

Semoga usaha UIS yang merupakan universiti MAIS ini akan melahirkan lebih ramai generasi cemerlang, seimbang dunia dan akhirat. Perkasakan kehidupan keluarga dengan budaya sihat dan harmoni. Ingatlah, jadilah hamba Allah, bukan hamba gajet. **Edisi**



TOKSIK DALAM BERAGAMA



Oleh: Ustaz Mohamad Shukry bin Sulaiman (shukry@muftiselangor.gov.my)
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor

Hadis riwayat Ibnu Majah (No. 4036, Hadis Hasan), Abu Hurairah r.a. meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Akan datang kepada manusia tahun-tahun yang penuh dengan penipuan dan tipu daya, kata-kata pendusta dibenarkan (dipercayai) dan didustakan percakapan orang yang benar, diberi amanah kepada pengkhianat dan dikhianati orang-orang yang amanah. Kemudian akan berkatalah golongan al-Ruwaibidhah. Baginda SAW ditanya: Siapakah golongan al-Ruwaibidhah? Maka baginda menjawab: Orang yang bodoh lagi fasik berbicara (mengurus) berkaitan perkara umum yang besar."*

Islam menuntut agar umatnya menjauhi perbuatan berlebihan dan melampau terutama dalam urusan agama sebaliknya mengamalkan budaya bertoleransi, tasamuh dengan berlapang dada berasaskan keluasan fikiran.

Umum sedia maklum bahawa agama merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia. Ia membimbing ke arah kebaikan, ketenangan, dan kesejahteraan rohani. Namun, apabila pemahaman agama disalah tafsir atau digunakan untuk tujuan peribadi atau mana-mana kumpulan ia boleh bertukar menjadi toksik dalam agama. Fenomena "toksik dalam beragama" bukanlah merujuk kepada agama itu sendiri yang tidak sempurna, tetapi merujuk kepada cara pembawaan manusia dalam mempraktikkannya yang dilihat menyimpang atau melampaui batas. Rujuklah kepada yang pakar dalam membuat pertimbangan atau keputusan. Jika ada keraguan boleh terus merujuk ke Jabatan Mufti Negeri Selangor yang menyediakan perkhidmatan Soal Jawab Agama atas talian di laman web rasmi <https://www.muftiselangor.gov.my/>.

Toksik dalam agama boleh datang dengan pelbagai bentuk yang boleh dirumuskan sebagai:

AL-QUSSAS (PENGLIPUR LARA)

Golongan ini sering menggunakan riwayat-riwayat mitos atau yang tidak bersumber untuk menarik perhatian orang ramai. Cerita mereka mungkin menghiburkan, tetapi banyak yang tidak menepati fakta agama dan boleh memesongkan kefahaman akidah serta meremehkan ajaran Islam. Mereka merosakkan agama dengan mencampuradukkan kebenaran dengan kepalsuan. Namun yang menyedihkan adalah kefanatikan pengikut terhadap apa jua yang disampaikan tanpa usul periksa.

LIBERAL DALAM AGAMA

Kebebasan menggunakan akal adalah suatu nikmat besar yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia. Islam sendiri menggalakkan umatnya untuk berfikir, merenung, dan menggunakan akal untuk memahami ciptaan Allah dan kebenaran agama. Namun, apabila logik akal diberikan

kebebasan mutlak tanpa panduan wahyu, ia boleh membawa kepada pelbagai kerosakan dalam masyarakat dan agama.

Kumpulan toksik yang menjadikan akal ini sanggup mempertikaikan hukum wahyu dalam agama, melahirkan fahaman sesat dan ideologinya yang menyimpang.

Golongan ini membawa fahaman yang terlalu bebas sehingga menolak batas-batas syariat. Mereka mungkin mempertikaikan hukum-hukum yang telah tetap seperti aurat, peranan jantina, atau autoriti ulama. Atas nama "pemodenan" atau "hak asasi", toksik ini boleh membawa umat keluar dari landasan agama yang benar.

GHULUWW DALAM BERAGAMA

Ghuluww beragama adalah toksik yang melampaui batas, apatah lagi sempadan Syariat Allah SWT. Kumpulan ini sering berlebihan dalam peribadatan seperti yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan Sunnah. Mereka berlebihan dalam memuji makhluk sehingga menyanjung atau kadang-kadang berlebihan dalam mengkritik sehingga menghina agama Islam sendiri.

Dalam erti kata lain, toksik ini juga merupakan sifat ekstrem yang berlebihan dalam membicarakan perkara remeh-temeh serta bersikap keras kepada perkara-perkara cabang (*furu'*). Sifat ini dilarang dalam Islam kerana ia akan melahirkan kecurigaan yang tidak berasas serta tuduhan yang melulu, akhirnya memporak-perandakan masyarakat.

Dalam konteks ini kelompok toksik ini akan mudah melatah dalam menjatuhkan hukum, taksub dengan pandangan kelompok sendiri dan yang lebih parah apabila kelompok ini sanggup menunggangi agama demi meraih keuntungan. Sewajarnya toksik ini dihapuskan dengan kecerdasan akal. Apa yang penting raihan persamaan, saling hormat menghormati dan keinginan mencari kebenaran secara kolektif.

ILMU UBAT TOKSIK

Dengan membudayakan masyarakat yang berilmu, ia melahirkan individu yang berdaya saing, mampu memimpin manusia kepada kebenaran, mendekatkan masyarakat kepada kebaikan, merealisasikan kemaslahatan dan mencegah kerosakan serta mewujudkan masyarakat yang bertamadun sepertimana zaman kegemilangan Islam terdahulu.

Penguasaan ilmu juga boleh membimbing manusia mematuhi segala perintah dan menjauhi larangan Allah. Perkara ini menjadikan masyarakat dapat membezakan perkara yang baik dan perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Tuntutlah ilmu daripada sumber yang sahih. Belajarlah daripada ilmuwan yang diiktiraf, dan rujuk kepada sumber-sumber utama agama secara menyeluruh. **Edisi**

Peranan JAIS Menangani TOKSIK Dalam Ajaran Agama



Oleh: **Puan Maryam binti Md Zin** (maryam@jais.gov.my)
Penolong Pengarah Kanan, Unit Dasar & Strategi, JAIS

Toksik dalam ajaran agama peranan siapa? Bagi saya, peranan menangani atau membuang toksik dalam ajaran agama adalah tanggungjawab kita semua. Walau bagaimanapun, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai salah satu pihak berkuasa agama mempunyai peranan yang tersendiri dalam bertindak menangani isu dan cabaran ini.

Bagi menyingkirkan atau meneutralkan toksik ini, JAIS sentiasa melaksanakan detoksifikasi dengan menjalankan usaha-usaha dakwah (usaha untuk menyeru, mengajak, dan membimbing manusia ke jalan Allah SWT agar mereka beriman kepada-Nya, mengamalkan ajaran Islam yang benar serta mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat) dan tazkirah (peringatan, nasihat, atau teguran) kepada umat Islam di negeri ini. Ia dilaksanakan dalam bentuk aktiviti, forum, seminar, dialog, wacana, program dakwah turun padang dan sebagainya dengan kerjasama pelbagai pihak seperti jabatan kerajaan, Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO-i), institusi pengajian tinggi, syarikat swasta dan lain-lain lagi. Usaha dakwah dan tazkirah ini juga dipertingkatkan melalui hebahan di media sosial, laman web, penerbitan seperti buku, jurnal, artikel, *pamflet*, poster, video, info grafik termasuk menyumbang penulisan dalam penghasilan majalah EDISI ini.

JAIS mencegah toksik ini berlaku kepada anak-anak di peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah (di bawah kawalan JAIS) dengan memastikan sistem pendidikan berlandaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pencegahan ini termasuk memastikan guru takmir dan penceramah di masjid dan surau mempunyai tauliah sebelum menyampaikan ilmu agama dan melindungi kesahihan ilmu Islam yang disampaikan kepada umat Islam di Negeri Selangor.

Ada kalanya, simptom-simptom toksik menjadikan pegangan agama umat Islam menjadi goyah serta agama Islam yang dicintai dirosakkan oleh virus luar. JAIS mengambil langkah menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan dasar yang telah diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) antaranya ialah:

Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995

Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Dikalangan Orang Islam) (Negeri Selangor) 1988

Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017

Penguatkuasaan undang-undang ini turut di perkasa dengan pelaksanaan Arahan-arahan Tetap Pengarah JAIS, *Standard Operating Procedure* Pengurusan Penguatkuasaan dan pewujudan talian bebas tol (1800-88-2424) sebagai pusat maklumat sehenti (one stop centre) di peringkat Negeri Selangor.

JAIS juga sentiasa komited dalam kerjasama dan koordinasi bersama agensi dan jabatan lain seperti Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Pertubuhan-pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO-i), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri lain dalam kerjasama strategik dan perkongsian maklumat dalam menangani toksik dalam ajaran agama.

Apakah peranan anda dalam isu ini? Saya menggalakkan anda sentiasa memberikan kerjasama kepada JAIS dengan menyalurkan maklumat yang lengkap sekiranya simptom toksik atau toksik yang berlaku dalam lingkungan anda. Berikan kerjasama anda dalam usaha dakwah yang dilaksanakan oleh JAIS dengan menghadiri program atau menyebarkan hebahan yang dibuat melalui media sosial. Marilah kita bersama-sama menangani toksik dalam ajaran agama agar pegangan agama umat Islam sentiasa teguh dan kukuh serta agama Islam sentiasa dilindungi, dijaga dan disayangi oleh setiap umat Islam di negeri ini. **Edisi**



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

Manusia TOKSIK - Racun Tanpa Bau



Oleh: **Encik Muhammad Hafiz bin Bahari** (hafizbahari@wakafselangor.gov.my)
Pengurus Bahagian Korporat, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)

Toksik bermaksud beracun, merujuk kepada bahan seperti asap atau buangan kimia yang mencemarkan alam sekitar. Dalam konteks sosial, istilah ini menggambarkan sikap atau tingkah laku yang berbahaya dan perlu dijaui.

Orang pula, merujuk kepada individu, sama ada diri kita sendiri atau ahli masyarakat. Ungkapan "orang toksik" atau *toxic people* sering digunakan untuk menggambarkan individu yang menyusahkan dan merugikan orang lain, sama ada secara mental mahupun fizikal.

Tidak kira apa jua ciri-cirinya, orang toksik perlu dikenali dan dijaui. Mereka sering menyebabkan kita berasa sedih, tidak dihargai, kecewa, malah bersalah atas kesalahan yang bukan berpunca daripada kita.

CIRI-CIRI ORANG TOKSIK

1 Mementingkan Kesenangan Diri Sendiri

Mereka hanya mencari keuntungan dan kesenangan untuk diri sendiri, tanpa mempedulikan nilai persahabatan atau hubungan. Mereka memaksa orang lain membantu ketika susah, tetapi tidak membalas budi apabila kita pula memerlukan bantuan.

2 Tiada Simpati atau Belas Kasihan

Orang toksik sukar memahami perasaan orang lain. Ketika kita berkongsi masalah, mereka bukan sahaja tidak menyokong, malah menyalahkan kita dan menambah beban emosi dengan kata-kata yang menyakitkan.

3 Enggan Mengaku Salah atau Meminta Maaf

Walaupun jelas melakukan kesalahan, mereka tetap mencari kambing hitam untuk dipersalahkan. Kita perlu berhati-hati agar tidak dijadikan mangsa oleh mereka.

4 Tidak Suka Melihat Orang Lain Berbuat Baik

Mereka cenderung cemburu apabila melihat orang lain melakukan kebaikan. Contohnya, apabila seseorang ingin berwakaf, mereka akan menghalang dan menghasut agar tidak melakukannya.

CARA MENGHADAPI DAN MENJAUHI ORANG TOKSIK

1 Kenal pasti ciri diri yang menyebabkan kita mudah menjadi sasaran.

2 Percayai naluri sendiri apabila berasa tidak selesa dengan seseorang.

3 Elakkan normalisasi sikap toksik dalam pergaulan harian.

Peranan : Perbadanan Wakaf Selangor



Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) ialah agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang diamanahkan untuk mengurus hal ehwal wakaf di negeri Selangor. Pada 30 Oktober 2009, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah menitahkan penubuhan PWS agar pengurusan wakaf dapat diperkasakan seperti pengurusan zakat. Penubuhan ini diluluskan dalam Mesyuarat MAIS Bil. 3/2010 pada 29 Jun 2010, di bawah peruntukan Seksyen 8, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. **Edisi**

**BERWAKAF SECARA BULANAN
KINI LEBIH MUDAH MELALUI
DIRECT DEBIT**

- 01** Mendaftar sekali sahaja melalui <https://infaqpay.my/go/wakafselangor>
- 02** Pengguna akan menerima status BERJAYA melalui e-mel.
- 03** Potongan akan dibuat setiap 2-5hb atau 22-26hb setiap bulan.
- 04** Pewakaf akan menerima notifikasi transaksi berjaya melalui e-mel.

NOTA:
Resit Rasmi Sumbangan Wakaf tahun semasa akan diproses pada sukuan pertama tahun berikutnya. Pewakaf perlu mengemaskini alamat surat-menyurat terkini sebelum tahun berakhir bagi tujuan pengeposan resit rasmi tersebut.

Mudah • Pantas • Selamat

wakafselangor

InfaqPay

Anak TAK SAH Taraf



Oleh: **Ustaz Hasal bin Senin** (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif, Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS

Alhamdulillah kita dapat bertemu kembali dalam EDISI MAIS keluaran Bil. 2/2025, pada keluaran kali ini saya ingin berkongsi tajuk, “Anak Tak Sah Taraf”

Nasab

Nasab merupakan suatu perkara yang penting dalam kehidupan berkeluarga. Ia adalah nikmat agung yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia. Memelihara nasab adalah salah satu daripada Maqasid al-Syariah yang lima iaitu hifzu al-nasl (memelihara keturunan). Para fuqaha telah menetapkan bahawa bayi yang lahir selepas enam bulan dua lahzah dari tarikh persetubuhan suami isteri maka adalah dibolehkan untuk anak tersebut dinasabkan kepada suami wanita tersebut.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 Menurut Seksyen 2, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 tafsiran “anak tak sah taraf” adalah anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan dari persetubuhan syubhah. Tafsiran ini juga selari dengan Fatwa Kebangsaan dan Fatwa Negeri Selangor. Dalam isu pengesahatarafan anak ini, kedua-dua fatwa ini mengambil pandangan Mazhab Syafie demi masalah umat Islam sejagat. Kedua-dua fatwa tersebut juga menjelaskan takrifan anak tak sah taraf dengan jelas iaitu anak yang lahir kurang dari enam bulan dua lahzah mengikut takwim qamariah daripada tarikh tamkin tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menghamilkan wanita itu.

Definisi Anak Tidak Sah Taraf

Kelahiran anak tidak sah taraf merujuk kepada kelahiran seorang anak hasil daripada hubungan di luar ikatan perkahwinan yang

sah menurut undang-undang dan hukum syarak (Islam). Di Malaysia, perkara ini mempunyai implikasi dari sudut undang-undang sivil dan syariah, dan juga boleh memberi kesan kepada pendaftaran kelahiran, penjagaan, dan hak-hak tertentu anak tersebut.

Pendaftaran Kelahiran di JPN (Jabatan Pendaftaran Negara)

Anak tidak sah taraf tetap didaftarkan, tetapi;

- **Nama Bapa:** tidak boleh dimasukkan dalam sijil kelahiran jika tiada bukti sah perkahwinan.
- **Nama anak:** Akan menggunakan bin atau binti Abdullah mengikut hukum syarak (bagi orang Islam).
- **Nama Ibu:** boleh dimasukkan tanpa sebarang masalah.

Penutup

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sentiasa berperanan membantu masyarakat dalam isu-isu perundangan. Justeru Unit Guaman Syarie (UGS) MAIS menawarkan perkhidmatan khidmat guaman secara percuma kepada masyarakat Islam yang memerlukan bantuan. Manfaatkanlah majalah EDISI MAIS ini sebagai wadah ilmu yang bermanfaat dan menjadi asbab kebaikan buat semua. **Edisi**

KLINIK Syarie **2025**

DAPATKAN KHIDMAT NASIHAT PERUNDANGAN SYARIAH SECARA PERCUMA

Masa Program
9.30 Pagi - 1.00 Petang

	MRS HULU LANGAT 21 APRIL 2025 (ISNIN)	MRS GOMBAK TIMUR 23 APRIL 2025 (KHAMIS)
APRIL	MRS AMPANG 29 APRIL 2025 (SELASA)	MRS SEPANG 24 APRIL 2025 (KHAMIS)
MEI	MRS HULU SELANGOR 27 MEI 2025 (SELASA)	
JUN	MRS PETALING 9 JUN 2025 (ISNIN)	MRS SABAK BERNAM 25 JUN 2025 (RABU)
	MRS SHAH ALAM 19 JUN 2025 (KHAMIS)	MRS GOMBAK BARAT 23 JUN 2025 (ISNIN)
JUL	MRS KUALA LANGAT 14 JUL 2025 (ISNIN)	
SEPT	MRS KLANG 2 SEPT 2025 (SELASA)	MRS KUALA SELANGOR 4 SEPT 2025 (SELASA)

*MRS (Maklumlah Randaah Syarieh)

Sebarang pertanyaan boleh hubungi di talian • 03-5514 3643 / 03-5514 3695

[#MajlisAgamaIslamSelangor](#)
[#maisaofficials](#)
[#maisingam](#)

www.mais.gov.my

Gambar adalah ilustrasi semata-mata.

USAHASAMA ARISMA DAN MAIS

Bantu Bimbing Remaja Autisme Dan Golongan OKU



Oleh: **Encik Shahrul Effendy bin Md Saat** (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan, MAIS

Akademi Remaja Islam Autisma (ARISMA) telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) sejak 25 November 2016.

Pendaftaran ini telah membawa kepada kerjasama akrab antara ARISMA dengan MAIS bersama agensi dan anak syarikat MAIS seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan lain-lain.

ARISMA beroperasi di Taman Ukay Perdana, Ampang, Selangor kini mempunyai lebih 20 kanak-kanak remaja istimewa berumur di antara 13-18 tahun. Mereka terdiri daripada kategori autisme tahap "severe" dan memerlukan sokongan secara rutin yang tersusun, kaedah pengajaran yang sistematik dan usaha yang konsisten. Sebahagian daripada mereka terdiri dari keluarga dalam golongan B40 dan asnaf.

ARISMA membantu remaja-remaja autisme dengan kemahiran sendiri seperti kemahiran menguruskan diri, kemahiran berinteraksi dengan persekitaran sekeliling dan kemahiran sosial. Antara tujuan menyertai MAIS adalah membantu dan bersama MAIS dalam menyokong visi dan misi MAIS.

LATAR BELAKANG ARISMA

ARISMA telah secara rasmi diperbadankan pada 24 Julai 2014 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dan Jabatan Perdana Menteri (PPAB – 29/2014).

Sebagai sebuah organisasi yang bukan berdasarkan keuntungan (NPO), ARISMA memfokuskan membantu golongan OKU masalah pembelajaran dan autisme dengan menyediakan bengkel terlindung, latihan sendiri dan kemahiran vokasional.

Objektif penubuhan meliputi:

- A** – Menyediakan Bengkel Terlindung *"Sheltered Workshop"* untuk remaja Autisma yang tidak berkemampuan untuk bekerja di luar.
- B** – Mengendalikan program *"centre-to-work place"* yang bertujuan untuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian.
- C** – Melatih bakal majikan dan rakan sekerja yang terlibat dengan program tertentu.
- D** – Menyediakan remaja Autisma dengan kemahiran vokasional; bercucuk tanam, menternak binatang, membuat roti dan pastri, kerja-kerja catering, kerja-kerja dobi dan pengendalian kaunter.
- E** – Memperkasakan remaja Autisma dengan mahiran sendiri; kemahiran mengurus diri; kemahiran berinteraksi dengan persekitaran sekeliling dan kemahiran sosial berteraskan Islam.
- F** – Menjadi pusat penyelidikan untuk program latihan remaja Autisma melalui kerjasama tenaga akademik Permata Kurnia.
- G** – Menghasilkan modul kemahiran sendiri dan kemahiran vokasional untuk memenuhi keperluan remaja Autisma.

TERIMA SUMBANGAN MAIS

Selain aktif dalam membantu remaja-remaja Autisma, ARISMA merupakan PIBK yang menerima sumbangan dan bantuan dari MAIS.

Sumbangan diberikan berdasarkan komitmen pertubuhan dalam membantu memperkasakan remaja autisme selain diukur mengikut Penilaian Prestasi Keberkesanan Laporan Program PIBK MAIS bagi tempoh setahun.

Sehingga kini, jumlah PIBK di bawah MAIS pada tahun 2024 adalah sebanyak 93 buah PIBK. Kesemua PIBK tersebut dibahagikan kepada 10 Kluster iaitu Kluster Dakwah & Islah, Kluster Pemantapan Akidah, Kluster Pemerkasaan Halalan Toyyiban, Kluster Pendidikan Islam dan Kluster Pembangunan Muallaf, Kluster Pendidikan Islam, Kluster Pemulihan Riqab, Kluster Kebajikan Fakir dan Miskin, Kluster Kebajikan Anak Yatim, Kluster Pembangunan Kekeluargaan Islam dan Kluster Amal Makruf Nahi Mungkar. Masyarakat yang ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut perkembangan aktiviti Arisma, boleh menghubungi di talian **012-229 0403** dan laman media sosial **facebook Arisma-Akademi Remaja Islam Autisma**. **Edisi**

Sumber : **Majlis Agama Islam Selangor**



MAIS Lancar Kad Perancang Pewarisan Islam, Luas Peranan Urus Wasiat, Hibah

APRIL 2025 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengambil inisiatif dengan melancarkan Kad Perancang Pewarisan Islam sebagai satu pengenalan identiti Perancang Pewarisan Islam (PPI) yang berdaftar dengan MAIS dalam meluaskan peranan membantu masyarakat berkaitan pengurusan harta terutamanya wasiat dan hibah. **Edisi**



MAIS Sumbang RM103,100.00 kepada 30 Pusat Pengurusan Pengislaman

APRIL 2025 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan sumbangan berjumlah keseluruhan sebanyak RM103,100.00 kepada 30 Pusat Pengurusan Pengislaman (PPP) MAIS bagi menghargai peranan dan kebajikan pusat tersebut dalam membantu MAIS menguruskan proses pendaftaran pengislaman mengikut prosedur yang ditetapkan. **Edisi**



Pengerusi MAIS Ziarah Mangsa Kebakaran Paip Gas Putra Heights

APRIL 2025 – Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Senator Dato' Setia Haji Salehuddin bin Saidin menziarahi mangsa kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights. **Edisi**



DYMM Sultan Selangor Berkenan Serah Watikah Pelantikan

MEI 2025 – Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor berkenan menyerahkan watikah pelantikan Ketua Pendakwa Syarie, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Selangor, Pendaftar Wali Raja dan Pendaftar Kanan dengan keseluruhan seramai 32 orang penerima watikah dalam satu majlis istiadat yang diadakan di Istana Bukit Kayangan. **Edisi**

Pengerusi MAIS Lancar Majlis Khatam Perdana Al-Quran (Qira'at Sepuluh) Persatuan Qira'at Malaysia

MEI 2025 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengadakan kunjungan hormat ke Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) bagi membincangkan perkembangan terkini serta peluang yang boleh dibina bersama di antara MAIS dan PNSB. **Edisi**



Program Ibadah Korban Kukuhkan Ukhuwah MAIS Bersama JHEIS Serta Rakan Strategik

JUN 2025 – Sempena Aidiladha 1446H, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikatnya menganjurkan Program Ibadah Korban sebagai usaha mengukuhkan lagi silaturrahim, memupuk semangat kebersamaan dan kerjasama di kalangan warga kerja. Sebanyak 23 ekor lembu dikorbankan kali ini termasuk enam ekor lembu dari syarikat PETRON yang turut berkolaborasi menjayakan Program Ibadah Korban kali ini. **Edisi**



Sumber : **Jabatan
Mufti Selangor**



Sumber : **Jabatan Kehakiman
Syariah Negeri Selangor**



Sumber : **Jabatan Pendakwaan
Syariah Selangor**



Penerimaan Surat Perlantikan Secara Tetap Sebagai Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

MEI 2025 - S.S. Dato' Setia Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, secara rasmi menerima surat Pelantikan Secara Pertukaran Tetap Sebagai Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 20 Mei 2025. **Edisi**



JAKESS Terima Kunjungan YAD Pengerusi MAIS Dalam Program Turun Padang MAIS

APRIL 2025 - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor berbesar hati menerima kunjungan YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin bin Saidin, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor dalam program Turun Padang ke Jabatan dan agensi Hal Ehwal Agama Islam Selangor anjuran MAIS. **Edisi**



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2024, Jasamu Dikenang

APRIL 2025 - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2024, Jasamu Dikenang bertempat di Grand Ballroom, Hotel Concorde, Shah Alam. **Edisi**



JAKESS Buka Reruai Pameran Dan Muhakat Sulh Dalam Program Komuniti Sulh Anjuran JKSM

MEI 2025 - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor telah menyertai Majlis perasmian Program Komuniti Sulh 2025: Literasi Undang-Undang untuk Masyarakat Madani bertempat di IIUM Cultural Centre (ICC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak. **Edisi**

Lawatan Penanda Aras Program Akrab Dan Pementoran Ke PKNS Dan JAKESS

APRIL 2025 - AKRAB Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) telah mengadakan satu lawatan penanda aras ke Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) bagi memperkukuh pelaksanaan Program AKRAB dan Pementoran pada 29 April 2025. **Edisi**



Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor Terima Watikah Pelantikan Daripada DYMM Sultan Selangor

APRIL 2025 - Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor, Puan Sofian binti Ahmad telah menerima Watikah Pelantikan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj. **Edisi**



Sumber : Jabatan Agama
Islam Selangor



Sumber : Perbadanan
Wakaf Selangor



Sumber : Lembaga
Zakat Selangor



Program Jelajah Jualan TIJARI Bersama Rakan Strategik Masjid Dan Surau Di Negeri Selangor

MEI 2025 – Program yang berkonsepkan “Jualan Rahmah” ini adalah program bersiri anjuran Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dengan kerjasama Masjid Binjai Jaya, Sungai Besar. **Edisi**



Selangor Muncul Juara Keseluruhan MIISMAM Peringkat Kebangsaan 2025

JUN 2025 – Negeri Selangor merebut kembali Juara Keseluruhan dalam Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia (MIISMAM) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-11 yang berlangsung selama tiga hari di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sultan Azlan Shah, Perak Darul Ridzuan. **Edisi**



Pengisian Minyak Pertama Ke Tangki Stesen Minyak Diatas Tanah Wakaf

MEI 2025 – Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bersama delegasi telah hadir untuk melaksanakan lawatan tapak projek Pembinaan Stesen Minyak serta pengisian minyak pertama ke tangki stesen di atas tanah wakaf yang bertempat di Sungai Merab, Bangi. **Edisi**



Peluncuran Kubah Pengereng Solar Pertama Wakaf Perkasa Ekonomi Nelayan Sungai Yu

JUN 2025 - Wakaf Selangor Muamalat (WSM) mengambil inisiatif proaktif membangunkan kubah pengereng solar pertama di negeri ini bagi meningkatkan pengeluaran ikan kering, sekaligus memperkasakan ekonomi komuniti nelayan di Sungai Yu, Kuala Selangor. **Edisi**



Program Turun Padang Pengerusi MAIS: Perkukuh Hubungan Bersama MAIS-LZS

APRIL 2025 - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerima kunjungan rasmi daripada delegasi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) diketuai oleh Pengerusinya, Senator Dato' Setia Salehuddin Saidin sempena Program Turun Padang Pengerusi MAIS ke agensi dan anak syarikat di bawah seliaan MAIS. **Edisi**



LZS Rai Rakan Strategik Bantu Kutipan Dan Agihan Zakat Selangor

APRIL 2025 - Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus memperkukuh kedudukan sebagai pemangkin utama kesejahteraan ummah apabila mengiktiraf peranan rakan strategik yang menjadi tulang belakang dalam ekosistem pengurusan zakat negeri menerusi penganjuran Majlis Gempuran Rakan Strategik Zakat Selangor (GRASIAZ) 2025. **Edisi**



Sumber : **Universiti Islam
Selangor**Sumber : **Yayasan
Islam Darul Ehsan**Sumber : **Teraju
Ekonomi Asnaf SB**

Pelancaran Inisiatif Kewangan Sosial Islam Maldives (MISFI): Merintis Era Baharu Kewangan Islam Berteraskan Nilai & Kepedulian Sosial

MEI 2025 - Yang Amat Berhormat Presiden Republik Maldives, Dr. Mohamed Muizzu telah merasmikan pelancaran rasmi Maldives Islamic Social Finance Initiative (MISFI) di Kurumba Village, Maldives. Inisiatif ini bertujuan memperkenalkan sistem kewangan Islam yang lebih inklusif, beretika dan berlandaskan nilai-nilai syariah dalam sistem kewangan negara. **Edisi**



Kunjungan Hormat Ketua Pengarah ICESCO Ke Malaysia

JUN 2025 - Universiti Islam Selangor (UIS) menerima lawatan rasmi daripada Ketua Pengarah Islamic World Educational, Scientific and Cultural Organization (ICESCO), Tuan Yang Terutama Dr. Salim M. AlMalik pada 16 dan 17 Jun 2025. Lawatan ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik dua hala dalam bidang pendidikan, sains dan kebudayaan khususnya menerusi kerjasama bersama UIS selaku tuan rumah kepada Pusat Pendidikan ICESCO di Malaysia. **Edisi**



YIDE Terima Sumbangan Daripada TNB GENCO Demi Kelestarian Pusat Dialisis MAIS

APRIL 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada TNB GENCO atas sumbangan dan keprihatinan dalam menyokong kelestarian Pusat Dialisis MAIS, demi menyantuni para pesakit buah pinggang di Selangor. **Edisi**



Kem Jati Diri Anak Yatim Negeri Selangor: Menyemai Semangat, Membina Harapan

JUN 2025 - Suasana penuh keceriaan dan kehangatan terpancar di kalangan peserta anak yatim terpilih apabila Kem Jati Diri Anak Yatim Selangor 2025 anjuran Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) berjaya dilaksanakan dengan penuh makna dari 1 hingga 3 Jun 2025 di Kem Baitunnur, Banting, Selangor. **Edisi**



Sinergi TERAS-MAIS: Bantuan Makanan & Wang Saku Ringankan Beban Mangsa Kebakaran (Putra Heights)

APRIL 2025 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama erat Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) telah menyantuni 234 mangsa insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights melalui pengagihan bantuan kotak makanan kering dan wang saku pelajar berjumlah keseluruhan RM57,876.00. **Edisi**



TERAS Kini Rakan Strategik MUIP-Pengoperasian Bengkel Jahitan Asnaf Di Pekan, Pahang

JUN 2025 - Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) secara rasmi telah dilantik sebagai rakan strategik Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi mengurus dan mengoperasikan Bengkel Jahitan MUIP yang terletak di Pekan, Pahang. **Edisi**



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

(Siri 2/2025)



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid**
(hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundangan,
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamua'laikum wrt. Apa khabar semua? Kaifalukum Jamian? Kita sering bertemu dengan kawan-kawan. Apa kata kali ini kita cuba berbahasa Arab dengan mereka. Ringkas dan mudah sahaja.

Jadi pada sesi Bahasa Arab Mudah Siri 2 / 2025 kali ini, kita akan sama-sama mempelajari beberapa frasa ringkas dalam Bahasa Arab yang boleh kita gunakan secara harian dalam perbualan, khususnya ketika pertemuan santai dengan rakan dan taulan.

Selamat mencuba ya!

Selamat sejahtera kepada kamu	السلام عليكم
Rasa senang berjumpa dengan kamu	تَشَرَّفْتُ بِلِقَائِكَ
Saya merindui kamu	اِسْتَقْتُ إِلَيْكَ
Hari yang baik	نَهَارٌ سَعِيدٌ
Selamat tinggal	مَعَ السَّلَامَةِ
Jumpa lagi nanti	أَرَاكَ قَرِيْبًا
Gembira bertemu kamu	سَعِيدٌ بِرُؤُوتِكَ
Ada berita baharukah?	مَا الْجَدِيدُ؟
Semoga mendapat hari yang terbaik	أَمْنَى لَكَ يَوْمًا رَائِعًا
Senang berjumpa kamu	سُرِرْتُ بِرُؤُوتِكَ
Senang berada dengan kamu	سُرِرْتُ بِلِقَائِكَ
Senang dengan kehadiran kamu	سُرِرْتُ بِحَضْرِكَ

Bagaimana? Boleh anda sebutkan dengan baik? Jika ya, alhamdulillah. Jika belum, maka cubalah cari teman yang mampu membantu anda membaca frasa Bahasa Arab dengan betul dan kemudian, lafazkanlah ia dengan betul.

Ingat, bahasa perlu dipraktikkan. Baharulah ia menjadi lancar dan menyenangkan!

Semoga apa yang kita pelajari ini dapat memberikan kebaikan kepada kita, amin. Selamat mencuba. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI (SIRI EMPAT PULUH EMPAT)

اوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن

منشي ديوان (جاوي)

"کات کُندا"

قد میڬکو این کیت ممیچاراکن قولاً قاعده میڬیا
کات کُندا. کات کُندا فنوه ایاله کات داسر یڬ دأولڬ سفنوهش
اتاو کسلوروهش تنفا فراوبهن بویی اتاو بنتوق. قاعده تولیسن
هندقله ملتقن تندا "۲".

کات کُندا فنوه بولیہ ممباوا مقصود:

✓ منونجوقکن مقصود باقی.

✓ ممبنتوق نام حیوان.

✓ ممبنتوق باکی نام یڬ مپروفاء ی.

1- کات کُندا فنوه یڬ منونجوقکن مقصود باقی اتاو دسبوت
جوڬ سباکای کات کُندا جمع، مک ایجاءنن هندقله دلتقن
"۲". چونتوهش:

ایکن ۲	کروسی ۲
فکاواي ۲	بارڬ ۲

2- کات کُندا فنوه یڬ ممبنتوق نام حیوان ، مک ایجاءنن
هندقله دلتقن "۲". چونتوهش:


کور۲	بیری ۲
رام ۲	انای ۲

3- کات کُندا فنوه یڬ ممبنتوق باکی نام یڬ مپروفاء ی ، مک
ایجاءنن هندقله دلتقن "۲". چونتوهش:

بولا ۲	کولا ۲
کود۲	لايڬ ۲

قاعده ملتقن تندا "۲" قد کات کُندا فنوه اداله مڬکلکن

قاعده فنولیسن زعبا



CIKGU TUN TIJAH, KONGSI PENGALAMAN URUS HIBAH BERSAMA MAIS



Oleh: Tuan Hj Mohammad Salleh bin Hj Abdul Saha (salleh@mais.gov.my)
Ketua Bahagian Dakwah & Pemasaran, MAIS

Cikgu Ton Tijah merupakan pelanggan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah menggunakan perkhidmatan hibah. Pihak MAIS telah menghubungi beliau untuk berkongsi pengalaman dalam penyediaan dan pelaksanaan hibah tersebut.

1. Bagaimanakah Cikgu mengetahui tentang perkhidmatan hibah dan wasiat yang ditawarkan oleh MAIS?

Saya mengetahui tentang perkhidmatan ini melalui Sahibus Samahah Timbalan Mufti ketika itu, YAD Dato' Setia Dr. Haji Anhar bin Haji Opir (pada November 2018), yang kini merupakan Mufti Negeri Selangor. Beliau memperkenalkan saya kepada Pengarah Sektor Baitulmal, Ustaz Indera Shahril bin Mohd Shahid pada Januari 2019. Saya diberi penerangan berkaitan hibah, wasiat, pusaka dan lain-lain. Setelah memahami, saya mengisi borang permohonan hibah dan mengumpulkan data yang diperlukan daripada ibu dan semua waris. Setelah lengkap, saya menyerahkan permohonan hibah dengan bayaran fi sebanyak RM300.00 dan setem duti.

2. Sejauh manakah tahap kepuasan Cikgu terhadap perkhidmatan MAIS?

Pada 31 Mei 2021, ibu saya telah meninggal dunia. Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19, urusan seterusnya sedikit tertangguh dan hanya dapat diteruskan pada Januari 2022. Alhamdulillah, dalam tempoh setahun, urusan selesai sepenuhnya dengan bantuan pegawai Baitulmal MAIS yang sangat komited dan mudah untuk berbincang walaupun sibuk dengan tugas. Urusan bermula daripada mendapatkan perintah sehingga selesai pindah milik di Pejabat Tanah Klang, dan saya menerima geran pada hujung tahun 2022.

3. Adakah fi yang dikenakan oleh MAIS berpatutan?

Ya, fi yang dikenakan sangat berpatutan dan membantu pelanggan menyelesaikan urusan harta. Kos yang dikenakan tidak membebankan, malah membantu masyarakat merancang harta melalui wasiat dan hibah.

4. Bagaimanakah penerimaan waris-warisan terhadap perkhidmatan ini?

Alhamdulillah, setelah setiap prosedur dan proses diterangkan, semua waris menerima keputusan dengan baik dan harmoni.

5. Adakah Cikgu mengetahui tentang syarikat amanah lain yang menawarkan perkhidmatan serupa? Apakah pandangan Cikgu terhadap perkhidmatan dan fi yang dikenakan?

Ya, saya maklum tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat amanah lain. Saya pernah mendengar dalam kuliah atau seminar yang dianjurkan oleh pihak swasta sebelum saya berurusan dengan MAIS. Seorang sahabat saya menggunakan perkhidmatan swasta dengan bayaran yang tinggi, termasuk yuran tahunan yang perlu dibayar selagi beliau masih hidup. Itu belum termasuk bayaran urusan bicara dan pindah milik selepas kematian. Alhamdulillah, saya sangat berpuas hati dan bersyukur apabila mengetahui MAIS turut menawarkan perkhidmatan ini.

6. Bagaimanakah pengalaman Cikgu menerima penerangan daripada pegawai MAIS? Adakah maklumat yang disampaikan jelas?

Alhamdulillah, saya menerima penerangan dan maklumat yang jelas dalam pengurusan harta Islam. Ia merupakan pengalaman yang bermakna untuk saya kongsi kepada masyarakat. Saya juga menghadiri seminar dan kursus berkaitan pengurusan harta Islam secara fizikal dan dalam talian yang dianjurkan oleh MAIS. Untuk menambah kefahaman, kita perlu rajin merebut peluang menghadiri majlis ilmu.

7. Apakah saranan Cikgu kepada masyarakat berkaitan perancangan harta melalui wasiat, hibah dan pusaka?

Antara saranan saya kepada masyarakat ialah:

- Semua umat Islam perlu celik ilmu dan terus belajar tentang perancangan harta melalui wasiat, hibah dan pengurusan pusaka bagi mengelakkan perbalahan keluarga selepas kematian.
- Dalam setiap keluarga, perlu ada individu yang proaktif menguruskan hal ini, dan semua waris perlu memberi kepercayaan serta kerjasama yang padu.
- Jika ada kemusykilan, rujuklah kepada pegawai Baitulmal MAIS atau pihak yang arif.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Baitulmal MAIS yang semakin agresif menyampaikan maklumat melalui pelbagai medium, termasuk media sosial dan media arus perdana. Saya berharap masyarakat tidak memandang ringan isu pengurusan harta umat Islam, agar harta beku yang semakin meningkat tidak terus terbiar dan tidak dimanfaatkan oleh waris. Ia sangat merugikan umat Islam sendiri.

Semoga perkongsian pengalaman Cikgu Ton ini dapat memberi inspirasi kepada masyarakat untuk merancang harta dengan lebih baik. Sebarang pertanyaan berkaitan wasiat, hibah, pusaka dan faraid boleh diajukan melalui talian **03-5514 3773** atau layari laman web rasmi MAIS di **www.mais.gov.my** Edisi



HATI-HATI: TOKSIK HAJI



Oleh: **Mohd Hafiz bin Abdul Salam** (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

ibadah haji ialah rukun Islam kelima yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim yang berkemampuan, sekurang-kurangnya sekali seumur hidup. Ibadah ini memerlukan pelaburan wang yang banyak dan tahap kesihatan yang baik. Namun, ibadah ini tertakluk kepada sistem penggiliran disebabkan kuota haji yang ditetapkan oleh pemerintah Arab Saudi kepada setiap negara. Justeru, apabila panggilan haji telah diperolehi peluang keemasan ini hendaklah dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Artikel ini akan memfokuskan kepada bahayanya “Toksik Haji”. Secara umumnya, sifat toksik itu amat bahaya kerana boleh memudaratkan diri sendiri sama ada secara cepat atau perlahan. Justeru, kita dilarang sama sekali menyentuh dan mendekati bahan yang bertoksik tersebut. Manakala, dalam ibadah pula sifat toksik yang ada pada manusia lebih membahayakan kerana kita tidak mengetahui toksik tersebut telah menjalar dalam diri sehinggalah ada rakan atau orang lain yang menegur kita. Dalam konsep ibadah haji pula, toksik haji ini boleh menyebabkan iman rosak, pahala berkurangan dan sehingga boleh memadamkan terus pahala haji seseorang.

Untuk mengelak perkara tersebut, pastikan persiapan yang rapi telah dibuat sebelum berangkat untuk melaksanakan ibadah terbaik sepanjang berada di tanah suci Mekah dan Madinah. Justeru, perbaikilah niat untuk melaksanakan ibadah haji yang bertujuan bagi mendapatkan keredaan Allah semata-mata dan bukan disebabkan tujuan lain seperti mengikut orang lain apatah lagi melancong. Jangan jadikan ibadah haji kita sebagai ibadah yang bertoksik dan menyeleweng daripada tujuan asalnya. Tidak kurang juga ada jemaah yang ingin mengejar gelaran haji/hajah atau menjadikan modal iklan untuk berniaga dengan bergambar berlatarbelakangkan Kaabah, Masjidilharam, Masjid Nabawi dan sebagainya. Tambahan pula, mempamerkan ibadah di khalayak ramai boleh mendatangkan sifat ujub dan riak yang juga boleh menjerumuskan individu kepada dosa dan syirik kecil. Nabi Muhammad S.A.W bersabda:

“Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut apa yang dia niat. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan sesiapa yang hijrahnya kerana dunia yang ingin diperolehi atau kerana seorang wanita yang ingin dinikahi, maka hijrahnya adalah berdasarkan kepada apa yang diniatkan.”

- Riwayat al-Bukhari dan Muslim

Berdasarkan hadis di atas, majoriti ulama telah bersepakat mengatakan bahawa setiap amalan yang dilakukan oleh Mukmin yang mukallaf tidak dikira dari sudut syara’ dan tidak diberi pahala dengan hanya melakukannya kecuali disertai dengan niat. Ibadah haji merupakan ibadah rukun yang wajib dilaksanakan bagi yang berkemampuan. Sekiranya ibadah tersebut bercampur dengan hal keduniaan dan bercampur dengan sifat riak atau menunjuk kerana merasakan diri lebih baik daripada orang lain serta mempunyai kewangan yang lebih. Jika terlintas perasaan riak segeralah beristighfar kepada Allah kerana kita tidak dapat lari daripada bisikan syaitan.

Selain itu, toksik haji juga boleh melibatkan pakej yang berunsurkan penipuan. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menggesa umat Islam lebih berwaspada terhadap penipuan pakej haji.

Pengerusi MAIS, Senator Dato’ Setia Salehuddin Saidin dalam kenyataan medianya menegaskan MAIS menggesa mangsa tampil membuat laporan polis serta menyerahkan maklumat lengkap agar siasatan dan tindakan undang-undang dapat diambil terhadap pihak terbabit.

Orang ramai juga dinasihatkan menyemak status agensi melalui laman rasmi Lembaga Tabung Haji (LTH), berwaspada dengan pakej terlalu murah atau percuma serta segera melaporkan aktiviti mencurigakan kepada pihak berkuasa. Kesimpulannya, mengerjakan ibadah haji merupakan suatu peluang yang jarang diperolehi oleh sesiapa kerana ia memerlukan komitmen dan tekad yang besar untuk ke sana kerana perlu membelanjakan harta, masa dan tenaga bagi mencapai tujuan mengerjakan ibadah haji selain kuota panggilan haji yang telah diperolehi. Oleh yang demikian, mereka yang berpeluang mengerjakan ibadah haji hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan segala rukun dan amalan sunat semasa berada di sana. Sesungguhnya, sangat rugi peluang yang diberikan oleh Allah disia-siakan dengan perbuatan yang lagha dan merosakkan ibadah haji hanya disebabkan terikut dengan trend semata-mata. Walluhua’lam. **Edisi**



KENALI LZS



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)



Lembaga Zakat Selangor (LZS) ditubuhkan pada 14 Februari 1994. Ia antara institusi zakat terawal dikorporatkan di Malaysia. LZS pada awalnya dinamakan sebagai Pusat Zakat Selangor dan merupakan anak syarikat kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Sebab itulah ejaan nama LZS digandingkan dengan MAIS di hujungnya. Pengkorporatan ini telah meningkatkan keberkesanan pengurusan zakat di negeri Selangor sehingga kini.

Motto LZS adalah 'Meneraju Perubahan'. Selama lebih 30 tahun, banyak sekali pencapaian telah diperolehi LZS, melibatkan aspek fatwa zakat, sistem dan pemodenan tadbir urus. Hasilnya, selama lebih 15 tahun, Selangor kekal sebagai negeri tertinggi kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Tahun 2024 misalnya, jumlah kutipan adalah sebanyak RM1.22 bilion dan agihan adalah RM1.19 bilion.

LZS diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Korporat, Ketua Pegawai Kewangan dan juga barisan Pengurus Besar yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam pelbagai bidang.

LZS mempunyai empat buah divisyen teras, iaitu Divisyen Kutipan, Divisyen Operasi Agihan Asnaf, Divisyen Pembangunan Asnaf dan Divisyen Pengurusan Cawangan dan Hub serta turut di dokong oleh 11 buah divisyen sokongan iaitu Divisyen Perhubungan Stakeholder, Divisyen Kewangan, Divisyen Syariah dan Dakwah, Divisyen Sumber Manusia, Divisyen Teknologi Maklumat, Divisyen Strategi Korporat, Divisyen Komunikasi Korporat, Divisyen Kualiti dan Jaminan, Divisyen Pentadbiran dan Pengurusan Hartanah, Divisyen Perolehan, Divisyen Audit Dalam serta disokong oleh Jabatan Pengurusan Risiko, Integriti dan Keselamatan Siber.

Sehingga kini, jentera LZS terdiri daripada kira-kira 700 orang warga kerja, dengan kekuatan 18 buah cawangan di seluruh daerah dan beribu pejabat di Menara Zakat Sultan Idris Shah, Seksyen 14, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

LZS menjalankan kutipan dengan pelbagai pendekatan dan segmen Skim Potongan Gaji (SPG) adalah yang paling popular. Zakat pendapatan pula menjadi penyumbang terbesar kutipan, diikuti oleh zakat perniagaan dan zakat simpanan. Zakat lain terdiri daripada zakat emas, perak, pertanian, pelaburan dan saham, galian dan termasuklah zakat fitrah.

Agihan zakat pula dijalankan dengan pelbagai pendekatan, dengan segmen terbesar penerima adalah asnaf fakir dan miskin yang menerima lebih 60 peratus agihan. Asnaf lain yang disantuni LZS ialah muallaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil.

Kesemua asnaf di LZS disantuni menerusi lima program teras, iaitu Program Pembangunan Sosial; Program Pembangunan Ekonomi, Program Pembangunan Pendidikan, Program Pembangunan Insan dan Program Pembangunan Institusi Agama. Bagi pembangunan asnaf riqab, ia diselia oleh Bahagian Pembangunan Sosial MAIS.

Terdapat pelbagai produk agihan zakat di Selangor, misalnya asrama pendidikan anak-anak asnaf Baitul Hasanah, rumah perlindungan muallaf Baitus Salam, pusat pendidikan muallaf Baitul Hikmah, rumah jagaan warga emas Bait al-Mawaddah, pusat pemulihan akhlak wanita Baitul Ehsan, pusat pemulihan dadah dan akhlak Baitul Islah, pusat pemulihan akidah Baitul Iman, Pusat Latihan Asnaf Selangor dan projek pertanian Agro Ekonomi Asnaf.

LZS juga telah melahirkan ramai usahawan asnaf, graduan anak-anak asnaf dalam multi disiplin, skim bantuan perumahan, pembiayaan perubatan dan sebagainya lagi kepada ratusan ribu asnaf. LZS juga mendanai banyak NGO Islam dalam gerak kerja dakwah, juga mendanai geran penyelidikan di pelbagai universiti.

LZS kini menjadi institusi zakat yang disegani di dalam dan luar negara berkat sokongan semua pihak, yang ingin melihat institusi ummah di negeri Selangor ini terus bersinar demi kebaikan semua pihak. Tahniah kepada LZS dan terima kasih kepada semua umat Islam yang komited menyokong LZS. Ayuh kita teguh berjalan di bumi Allah SWT dengan tekad membangunkan zakat. **Edisi**





TAWARAN SEWAAN (PREMIS / PEJABAT)



PREMIS MAIS UNTUK DISEWA DI KOMPLEKS AMANIAH, GOMBAK



- » Berdekatan dengan Masjid Jamek Al-Amaniah
- » Berdekatan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- » Berdekatan dengan Tabung Haji
- » Berdekatan dengan Mr. Diy
- » Berdekatan dengan 99 Speed Mart
- » Berdekatan dengan Pejabat Pos Batu Caves
- » Berdekatan dengan Giat MARA
- » Berdekatan dengan SJK(C) Kheow Bin Batu Caves
- » KELUASAN: 800kps sehingga 900kps



PREMIS MAIS UNTUK DISEWA DI KAWASAN PUNCAK ALAM, PUSAT PERDAGANGAN HILLPARK



- » Berdekatan dengan McDonald Puncak Alam
- » Berdekatan dengan Eco Grandeur
- » Berdekatan dengan UiTM Puncak Alam
- » Berdekatan dengan Rasheed Bistro
- » Berdekatan dengan SK Puncak Alam
- » Berdekatan dengan SMK Puncak Alam
- » KELUASAN: 127.75mp & 143.08mp
- » RM1,300.00-RM3,500.00/sebulan



RUANG PEJABAT DI PUSAT BANDAR PETALING JAYA UNTUK DISEWA SERENDAH RM900!!!!



- » 4 Lot Pejabat tersedia untuk sewaan di The Right Angle Jalan 14/22, Seksyen 14, Petaling Jaya
- » Berhadapan Masjid Tun Abdul Aziz (Masjid Bulat)
- » Kadar sewa bermula RM900.00 sehingga RM1,700.00
- » Keluasan unit : 1540 kaki persegi



HUBUNGI KAMI:

JIKA BERMINAT BOLEH TERUS HUBUNGI KAMI DI TALIAN

019-264 0631 (WHATSAPP) ATAU 03-55143400 SAMB 2189 (PEJABAT).



EDISI إبداع MAIS

KENALI LZS:
KENALI LZS
Ms 18

www.mais.gov.my



LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Suburkan Niagamu

1 Januari - 31 Disember 2025

**Bayar zakat perniagaan dan
kembangkan *business* anda**

1 Hadiah Utama

Pakej Laman Web E-Commerce
dan Kursus Keusahawanan bernilai **RM3,500**

1 Hadiah Kedua

Tablet dan
Kursus Keusahawanan +  bernilai **RM2,500**

1 Hadiah Ketiga Pakej Perisian dan Kursus Keusahawanan bernilai RM2,000	1 Saguhati Pakej Kursus Keusahawanan bernilai RM500
--	--



IMBAS
untuk pembayaran zakat
secara dalam talian

*Pendaftaran terbuka kepada syarikat perniagaan Milau, Kecil Dan Sederhana (PKMS)
*Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman web utama LZS.

[zakatselangor](http://zakatselangor.com.my) www.zakatselangor.com.my



UIS
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR
DU063(B)

PERMOHONAN KEMASUKAN SEPANJANG **TAHUN 2025**



ASASI & DIPLOMA 21 & 22 Jun 2025
(Sabtu & Ahad)

21 & 22 Jun 2025
(Sabtu & Ahad)

IJAZAH SARJANA MUDA

PASCASISWAZAH
- Ijazah Sarjana (Kerja Kursus) 16 Oktober 2025
(Khamis)

15 September 2025
(Isnin)

PASCASISWAZAH
- Ijazah Sarjana (Penyelidikan)
- Ijazah Doktor Falsafah

Mohon Sekarang!
Imbas KOD QR
di sini untuk
permohonan.



www.uis.edu.my